

25 pelajar tahun akhir timba ilmu di bumi Mekah, Madinah

Mutawwif USIM dilatih di Saudi

Oleh AINOL AMRIZ ISMAIL

utusanN9@utusan.com.my

SEREMBAN 12 Ogos - Peluang berada di tanah suci Mekah dan ziarah Madinah baru-baru ini oleh sekumpulan pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai dekat sini telah dimanfaatkan, sepenuhnya oleh mereka.

Ini kerana, program khas di bawah Kementerian Pendidikan itu juga telah melatih dan mendidik pelajar ini untuk bertindak sebagai 'mutawwif' atau pembantu urusan jemaah di tanah suci pada suatu masa kelak.

Menurut Pensyarah Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) USIM, Dr. Khairunneezam Mohd. Noor, seramai 25 pelajar tahun akhir dari pelbagai fakulti di universiti ini telah terpilih untuk berada di tanah suci dalam program Pembangunan Kompetensi Mutawwif 2014 atau singkatannya 'Mutawwif 2014'.

"Program Mutawwif 2014 dijalankan oleh USIM menggunakan peruntukan yang disediakan oleh kementerian di bawah Dana Kebolehpasaran Graduan IPT Malaysia.

"Kementerian menyediakan dana khas ini untuk pelaksanaan program khusus oleh universiti kepada semua pelajar tahun akhir di institusi pengajian tinggi selu-



SEBAHAGIAN daripada peserta mutawwif bersama para pegawai Penyelaras Program Mutawwif di Mekah, baru-baru ini.

ruh negara," katanya yang juga penyelar program di Nilai, dekat sini hari ini.

Tambah Khairunneezam lagi, program ini dilihat dapat membentuk kompetensi, kemahiran dan nilai kendiri serta kesediaan bakal graduan untuk terus diserapkan dalam kerjaya tertentu selepas mereka tamat pengajian kelak.

Jelasnya, kesemua peserta mu-

tawwif ini telah ditanggung sepenuhnya perbelanjaan mereka sepanjang mengikuti program ini seperti tambang perjalanan, penginapan, makan-minum dan urusan ziarah semasa di Mekah dan Madinah.

"Peserta program Mutawwif 2014 ini diberikan pendedahan yang komprehensif oleh agensi pengendali program umrah dan ziarah yang

dilantik iaitu HM Global Charter Travel Sdn. Bhd.

"Sebagai peserta kursus, peserta diberi peluang membuat tugas lapangan mengendalikan jemaah umrah lain dalam rombongan ini antaranya pengurusan jemaah di lapangan terbang, penyelarasan bagasi, imigresen, pengendalian taklimat, tazkirah dan penerangan mengenai ibadah umrah dan lokasi

ziarah selain hal ehwal kebajikan dan kecemasan jemaah," ujarnya.

Kata beliau lagi, program ini berpaksikan matlamat membentuk mutawwif profesional atau pembantu jemaah haji dan umrah yang memiliki pakej pengetahuan, kemahiran dan keperibadian yang mantap seterusnya mempunyai peluang kerjaya yang cerah di syarikat pengendali haji dan umrah.